

Menyebabkan Sungai Batangsi dan Sungai Semenyih keruh

# Korek pasir haram kembali

Oleh LUQMAN HAKIM RAHIM  
mohdluqman@kosmo.com.my

KAJANG - Kegiatan haram mengorek pasir di beberapa lokasi sekitar Semenyih tidak lama dahulu pernah dikesan oleh Pejabat Tanah Hulu Langat dan operasinya telah diberhentikan serta-merta.

Namun setelah beberapa bulan kegiatan itu kembali bermaharajalela di Kampung Pasir Baru dan Taman Villa Raya, Semenyih melibatkan satu kawasan baru dan dua kawasan lama.

Terbaru, jauh di pedalaman sebuah ladang kelapa sawit berdekatan Bandar Sunway Semenyih, lensa *KOSMO!* turut berjaya merakam kegiatan tersebut yang dipercayai bermula kira-kira dua bulan lepas.

Tinjauan *KOSMO!* ke ladang itu mendapati dua buah jengkaut mengangkut pasir yang sudah dicuci dan ia giat beroperasi walaupun pada hari minggu.

Pasir yang sudah dicuci akan dikumpulkan sehingga berbukit menunggu diangkut keluar oleh lori-lori mereka.

Memandangkan lokasinya terletak jauh daripada jalan utama dan tidak mempunyai jalan khas untuk ke situ, pengusaha berkenaan dapat menghindarkan diri daripada dike-

san pihak berkuasa.

Menurut sumber, pengusaha itu hanya menjual pasir kepada kilang-kilang di sekitar Semenyih.

Katanya, apa yang mencurigakan, jalan khas untuk laluan lori pengangkut pasir turut dihalang dengan tiang penghadang mengelakkan daripada sesiapa daripada memasuki tempat terbabit.

*KOSMO!* turut membuat tinjauan ke dua kawasan yang sebelum ini telah diarah menghentikan operasinya, namun begitu mereka kembali menjalankan kerja-kerja tersebut.

Kelihatan jengkaut pengorek dan pengangkut pasir masih terdapat di tempat tersebut dan kelihatan juga sebuah lori pengangkut pasir masuk untuk mendapatkan bekalan pasir.

Kegiatan mencuri pasir ini telah mengakibatkan air Sungai Batangsi dan Sungai Semenyih menjadi keruh.

Penduduk kampung yang ditemui memberitahu perkara ini telah diadukan kepada Pejabat Tanah Hulu Langat dan juga polis.

Namun, kata mereka, sehingga hari ini masih tiada tindakan yang diambil bagi memantau kegiatan haram itu.

Kegiatan itu juga menyebabkan dasar sungai menjadi cetek dan mudah berlaku banjir.



JENKAUT digunakan untuk mengalihkan pasir yang dipercayai dilakukan secara haram berhampiran Kampung Pasir Baru, Semenyih.